

1001- KESEJAHTERAAN KEHIDUPAN RAKYAT: INDEKS KESEJAHTERAAN KELUARGA MALAYSIA, INDONESIA DAN UNITED KINGDOM.

PROF MADYA DR. NOR'ADHA BINTI AB HAMID

Fakulti Syariah dan Undang-undang
Universiti Islam Selangor (UIS)
noradha@kuis.edu.my

NUR ZULFAH BINTI MD ABDUL SALAM

Fakulti Syariah dan Undang-undang
Universiti Islam Selangor (UIS)
nurzulfah@kuis.edu.my

DR. NORZIAH BINTI OTHMAN

Fakulti Pengurusan dan Muamalah
Universiti Islam Selangor (UIS)
norziah@kuis.edu.my

MOHD FAROK BIN MAT NOR

Fakulti Syariah dan Undang-undang
Universiti Islam Selangor (UIS)
farok@kuis.edu.my

DR NURKALIZA BINTI KHALID

Fakulti Multimedia Kreatif dan Komputeran
Universiti Islam Selangor (UIS)
nurkaliza@kuis.edu.my

ABSTRAK

Kesejahteraan merupakan nilai penting dalam kehidupan masyarakat yang mana ia boleh digunakan untuk mengukur kemajuan sesuatu masyarakat. Pembuat dasar dan saintis sosial telah menumpukan perhatian yang besar kepada kesejahteraan manusia di atas kesedaran bahawa tahap kesejahteraan yang tinggi boleh menjamin dan mempengaruhi perkembangan sesebuah negara. Usaha-usaha untuk meningkatkan kesejahteraan manusia telah menjadi matlamat utama dasar pembangunan sesebuah negara. Hakikatnya, kesejahteraan kehidupan akan terkesan akibat daripada perkembangan ekonomi dan sosial dan mampu memberi kesan positif dan negatif terhadap gaya hidup seseorang, keluarga, pendidikan, kesihatan dan sebagainya. Justeru, objektif utama kajian ini adalah untuk menilai indeks kesejahteraan kehidupan keluarga merangkumi negara Malaysia, Indonesia dan United Kingdom di mana menerusi penilaian kesejahteraan yang baik dan tepat, ia boleh menjadi kayu ukur dalam menilai dan memantau perkembangan dan kemajuan masyarakat dengan lebih berkesan. Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif, berasaskan kaedah kepustakaan (library research) dan pendekatan sorotan kajian dengan membuat analisis kandungan dokumen yang diperolehi iaitu Indeks Kesejahteraan Keluarga (IKK) Malaysia, Indeks Kesejahteraan Rakyat (IKRaR) Indonesia dan Langkah-langkah Kesejahteraan Negara (MNW) United Kingdom. Hasil penilaian indeks menunjukkan bahawa kesejahteraan hidup perlu dititikberatkan bagi setiap negara kerana ia diperlukan untuk meningkatkan pencapaian matlamat setiap polisi yang ada.

Kata Kunci: Kesejahteraan, keluarga, rakyat, ekonomi, sosial

PENGENALAN

Kesejahteraan telah menjadi tumpuan penyelidikan yang penting sejak tiga dekad yang lalu dan telah dikaitkan dengan hasil mental yang positif serta kejayaan hidup umum (Herdiyan Maulana et al, 2019). Robin Loveridge et al (2020) menyatakan bahawa kesejahteraan ialah keadaan bersama orang lain, yang timbul di mana keperluan manusia dipenuhi, di mana seseorang boleh bertindak untuk mengejar matlamatnya dan di mana seseorang boleh menikmati kualiti hidup yang memuaskan. Kesejahteraan juga didefinisikan sebagai perasaan bebas daripada tekanan, rasa gembira mengatasi rasa sedih dalam jangka masa panjang, perasaan positif dengan kehidupan dan memperoleh apa yang diinginkan seiring dengan matlamat. Ia juga merupakan satu bentuk pengukuran kualiti hidup yang diukur secara psikologi atau dalaman yang melibatkan beberapa dimensi seperti kegembiraan, kepuasan hidup, harga diri, kecekapan diri, kehidupan berkeluarga, pekerjaan, pendidikan dan kewangan (Umni Munirah Syuhada Mohamad Zan et al, 2016).

Kesejahteraan telah ditakrifkan sebagai gabungan perasaan baik dan berfungsi dengan baik, pengalaman emosi positif seperti kebahagiaan dan kepuasan serta perkembangan potensi seseorang, mempunyai sedikit kawalan ke atas kehidupan seseorang, mempunyai tujuan, dan mengalami perhubungan yang positif (Kai Ruggeri et al, 2020). Kai Ruggeri et al (2020) turut menyatakan bahawa kesejahteraan dikaitkan dengan kejayaan dalam profesional, tahap peribadi, dan interpersonal, dengan individu yang tinggi dalam kesejahteraan akan mempamerkan produktiviti yang lebih tinggi dalam tempat kerja, pembelajaran yang lebih berkesan, peningkatan kreativiti lebih tingkah laku prososial, dan hubungan yang positif. Abdul Wahab Md. Ali, et al (2022) menyatakan keluarga merupakan satu istilah yang agak luas skop pemahamannya serta boleh membawa erti yang berbeza-beza bergantung kepada situasi penggunaannya. Dalam konteks Islam, al-Zuhayli mendefinisikan kesejahteraan keluarga dengan keadaan keluarga yang sentiasa iltizam dengan undang-undang yang disyariatkan Allah serta berpegang teguh dengan akhlak dan adab Islam. Ahli keluarga tersebut berusaha untuk kebaikan dunia dan akhirat, berusaha untuk hidup dalam masyarakat dengan baik untuk mencapai kebahagiaan dunia dan kemuliaan akhirat (Abdul Wahab Md. Ali et al, 2022).

Di Malaysia, konsep kesejahteraan hidup ini secara rasmi telah digunakan oleh pihak pentadbiran bermula pada tahun 2013 dengan menggantikan konsep asal iaitu kualiti hidup (Siti Nadira Ahmad Rozlan Shah et al, 2015). Berdasarkan Rancangan Malaysia Ke-11, 2016-2020 juga, kesejahteraan kekal sebagai salah satu keutamaan teras untuk memastikan pembangunan seimbang seiring dengan pertumbuhan ekonomi.

METODOLOGI

Artikel ini menggunakan pendekatan kualitatif, mengaplikasi kajian berasaskan kaedah kepustakaan (library research) dan pendekatan sorotan kajian dengan membuat analisis kandungan dokumen yang diperolehi iaitu Indeks Kesejahteraan Keluarga (IKK) Malaysia, Indeks Kesejahteraan Rakyat (IKraR) Indonesia dan Langkah-langkah Kesejahteraan Negara (MNW) United Kingdom. Penilaian kesejahteraan tidak hanya bergantung kepada fizikal semata-mata sebaliknya ia harus dinilai berdasarkan beberapa aspek yang lebih menyeluruh dan lengkap iaitu ekonomi, sosial dan psikologi. Setiap indeks atau domain yang digunakan

bagi menilai kesejahteraan masyarakat juga seharusnya sentiasa dinilai dan dikemaskini mengikut perubahan masa agar penilaian dibuat dengan relevan dan tepat.

ANALISIS DAN PERBINCANGAN INDEKS KESEJAHTERAAN KELUARGA

Indeks Kesejahteraan Keluarga (IKK) Malaysia

Di Malaysia, telah wujud beberapa kajian terhadap indikator kesejahteraan sama ada yang menyentuh secara khusus berhubung aspek kekeluargaan mahupun yang membahaskan secara umum dalam konteks kesejahteraan serta kualiti hidup masyarakat dan negara (Abdul Wahab Md. Ali et al, 2021). Terdapat empat aspek yang berbeza berdasarkan kajian-kajian yang telah dijalankan iaitu dari aspek kesejahteraan rakyat, kesejahteraan rakyat Islam, kesejahteraan keluarga dan kesejahteraan keluarga Islam.

Kajian Indeks Kesejahteraan Keluarga di bawah Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN) merupakan salah satu usaha kerajaan bagi meningkatkan kualiti hidup masyarakat serta kesejahteraan keluarga. Ia dilaksanakan dengan kesedaran kepentingan keluarga sebagai unit asas sosial yang menyedia dan membekalkan sumber modal insan untuk pembangunan negara. Justeru itu, LPPKN telah menjalankan Kajian Indeks Kesejahteraan Keluarga Malaysia pada tahun 2011 untuk mengukur tahap kesejahteraan keluarga dan seterusnya mencadangkan polisi dan program intervensi yang bersesuaian bagi memantap dan mengukuhkan lagi institusi keluarga (Abdul Wahab Md. Ali et al, 2021). Bagi memastikan IKK terus relevan, domain dan indikator yang digunakan dalam kajian tersebut telah disemak dan dikemaskini agar seiring dengan perkembangan semasa (Kenyataan Media Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, 2020). IKK menggunakan skor 10 sebagai skala maksimum di mana semakin tinggi nilai skor yang diperolehi, menunjukkan tahap kesejahteraan keluarga yang lebih baik. Dalam kajian ini, tahap kesejahteraan keluarga dikategorikan kepada tiga iaitu rendah (skor 0-4), sederhana (skor 5-7) dan tinggi (skor 8-10).

Indeks Kesejahteraan Keluarga (IKK) merupakan satu penanda aras pelbagai dimensi yang dibangunkan khas untuk mengukur tahap kesejahteraan keluarga di Malaysia. Pada tahun awal IKK diperkenalkan iaitu pada tahun 2011, terdapat tujuh domain yang telah diwujudkan. Pertama ialah domain kekeluargaan. Di bawah domain ini terdapat tujuh indikator iaitu indikator penglibatan ibu bapa, indikator perhubungan rapat, indikator kualiti masa bersama keluarga, indikator imbangan kerja-keluarga, indikator kefungsiannya keluarga, indikator daya tindak keluarga dan indikator daya tahan keluarga. Kedua ialah domain ekonomi keluarga yang terdiri daripada indikator kesejahteraan kewangan dan indikator pengurusan kewangan. Ketiga ialah domain kesihatan keluarga. Ia terdiri daripada indikator amalan kesihatan keluarga dan indikator kesihatan umum. Keempat adalah domain keselamatan keluarga, merangkumi indikator keselamatan keluarga dan indikator pengetahuan kecemasan. Kelima iaitu domain keluarga dan keterlibatan komuniti. Terdiri daripada indikator Kerjasama dalam komuniti dan indikator hubungan dalam komuniti. Keenam pula adalah domain keluarga, peranan agama dan amalan kerohanian yang terdiri daripada indikator peranan agama dan indikator amalan kerohanian. Terakhir adalah domain perumahan dan persekitaran. Ia mempunyai tiga indikator iaitu indikator Kawasan perumahan, indikator tahap pencemaran dan indikator amalan 3R.

Pada tahun 2016, kesemua domain yang telah digunakan dalam IKK 2011 telah disemak dan dinilai semula bagi memastikan domain dan indikator adalah relevan dengan keadaan dan

cabaran semasa keluarga. Oleh itu, selain pengekal ketujuh-tujuh yang ada, terdapat satu domain yang telah ditambah iaitu Domain Keluarga dan Teknologi Komunikasi. Bagi domain ini, terdapat dua indikator yang ditetapkan iaitu indikator pengaruh aplikasi komunikasi dan indikator kawalan ibu bapa terhadap penggunaan teknologi komunikasi. Berdasarkan IKK 2016, Domain Keluarga, Peranan Agama dan Amalan Kerohanian mencatatkan skor domain tertinggi iaitu 8.04 dan dikategorikan dalam tahap tinggi. Ini diikuti oleh Domain Keselamatan Keluarga (7.96), Domain Hubungan Kekeluargaan (7.90), Domain Keluarga dan Keterlibatan Komuniti (7.84), Domain Kesihatan Keluarga (7.18), Domain Ekonomi Keluarga (7.05), Domain Keluarga dan Teknologi Komunikasi (6.38), dan Domain Perumahan dan Persekitaran (6.24). Kesemua nilai skor domain tersebut berada pada tahap sederhana (Laporan Indeks Kesejahteraan Keluarga, 2019).

Dalam pada itu, skor keseluruhan Indeks Kesejahteraan Keluarga (IKK) 2019 menunjukkan peningkatan 0.39 mata iaitu 7.72 berbanding 7.33 pada tahun 2016 dan masih kekal pada tahap sederhana (Kenyataan Media Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, 2020). Berdasarkan IKK 2019, domain hubungan kekeluargaan mencatatkan skor domain yang tertinggi iaitu sebanyak 8.35 dan diikuti dengan domain keluarga, peranan agama dan amalan kerohanian (8.25), Domain Keluarga dan Keterlibatan Komuniti (8.00), Domain Keselamatan Keluarga (7.86), Domain Ekonomi Keluarga (7.67), Domain Kesihatan Keluarga (7.44), Domain Perumahan dan Persekitaran (7.35) dan Domain Keluarga dan Teknologi Komunikasi (6.82). Skor IKK 2019 adalah lebih tinggi dalam keluarga yang tinggal di luar bandar. Dari segi jenis keluarga, skor IKK 2019 adalah lebih tinggi dalam kumpulan keluarga asas dan keluarga gabungan.

Berdasarkan IKK 2019, analisis telah dibuat berdasarkan beberapa aspek. Pertama ialah aspek demografi di mana didapati bahawa keluarga yang berada di luar bandar mempunyai skor IKK yang lebih tinggi iaitu sebanyak 7.81 berbanding keluarga di bandar (7.69). Keluarga di luar bandar mendahului dalam enam domain yang ada kecuali domain ekonomi keluarga dan domain perumahan dan persekitaran. Manakala analisis skor mengikut etnik pula mendapati Melayu mempunyai nilai tertinggi, diikuti oleh India, Bumiputra Lain, Lain-lain dan Cina. Bagi jenis keluarga pula, keluarga asas dan keluarga gabungan mempunyai nilai skor tertinggi dengan 7.78 mata diikuti oleh keluarga luas (7.58) dan keluarga tunggal (7.34). Seterusnya, bagi pendapatan isi rumah pula, pendapatan isi rumah RM10,000 ke atas mempunyai skor tertinggi sebanyak 8.02 dan skor terendah adalah bagi isi pendapatan RM1,000 ke bawah dengan skor sebanyak 7.35 mata. Manakala Skor IKK 2019 mengikut negeri pula menunjukkan Wilayah Persekutuan Putrajaya mencatatkan skor tertinggi dan negeri Perak mencatatkan skor terendah (Laporan Indeks Kesejahteraan Keluarga, 2019).

Indeks Kesejahteraan Rakyat (IKRaR) Indonesia

Kajian daripada Herdiyan Maulana et al (2019) mendapati bahawa sekurang-kurangnya terdapat 99 kajian kesejahteraan yang telah dijalankan di seluruh dunia. Umumnya, Indonesia adalah negara keempat yang mempunyai populasi terbesar di dunia dan merupakan negara Muslim yang terbesar di dunia (Herdiyan Maulana et al, 2019). Di Indonesia, Indeks Kesejahteraan Rakyat (IKRaR) telah dikembangkan oleh Kementerian Koordinator Bidang Kesejahteraan Rakyat Republik Indonesia untuk mengukur tingkat kesejahteraan rakyat, keberhasilan pembangunan yang inklusif dan ketersediaan akses terhadap pemenuhan hak-hak dasar rakyat (Rusman R. Manik, t.t.). IKRaR telah diwujudkan semenjak tahun 2012 oleh Kementerian

Kebajikan Sosial Indonesia dengan kerjasama Statistik Indonesia. IKraR diukur berdasarkan tiga dimensi iaitu sosial, ekonomi serta demokrasi dan tadbir urus dan mempunyai 22 indikator (Rendra Achyunda Anugrah Putra, t.t.). Perubahan taraf kesejahteraan dikaji menurut lapan bidang yang merangkumi Kependudukan, Kesehatan dan Gizi (Pemakanan), Pendidikan, Tenaga Kerja, Taraf dan Pola Penggunaan, Perumahan dan Persekitaran, Kemiskinan, serta Sosial Lainnya yang menjadi acuan dalam peningkatan kualiti hidup (Laporan Indeks Kesejahteraan Rakyat, 2021). Berdasarkan IKraR 2009-2013, kesejahteraan rakyat yang tertinggi adalah di Daerah DKI Jakarta (57.7), diikuti oleh Bali (55.5) dan Yogyakarta (55.3). Nilai kesejahteraan terendah adalah di Papua dengan nilai 33.7 (Rusman R. Manik, t.t.).

Terdapat juga Indeks Kebajikan Keluarga yang telah dilaksanakan oleh Lembaga Perancang Keluarga yang mana telah digunakan semenjak tahun 1994 (Iwan Gardono Sujatmiko et al, 2016). Berdasarkan indeks tersebut, keluarga di Indonesia dibahagikan kepada empat kumpulan iaitu kumpulan 1, 2, 3 dan 3 *plus*. “Kebajikan keluarga” didefinisikan sebagai keupayaan keluarga untuk memenuhi asas sosial, psikologi, perkembangan, dan keperluan kesedaran sosial. Terdapat 23 indikator yang digunakan. Berdasarkan kajian yang dijalankan pada tahun 2009, hampir separuh keluarga iaitu 45.9% adalah terdiri daripada keluarga pra-kebakikan dan keluarga kebajikan jenis 1, manakala 4.4% adalah keluarga kebajikan jenis tiga (Iwan Gardono Sujatmiko et al, 2016). Keluarga daripada kumpulan pra-kebakikan adalah merupakan keluarga yang tidak dapat memenuhi keperluan asas manakala keluarga jenis 1 adalah keluarga yang mampu memenuhi keperluan asa tetapi tidak mampu memenuhi keperluan psikologi sosial. Keluarga jenis 3 pula ialah keluarga yang boleh memenuhi asas keperluan sosial, psikologi, dan keperluan pembangunan tetapi belum memberikan sumbangan kepada masyarakat (Iwan Gardono Sujatmiko et al, 2016).

Ketiga ialah Indeks Kebahagiaan Indonesia yang telah dijalankan dari tahun 2013 oleh Badan Pusat Statistik (BPS) (Iwan Gardono Sujatmiko et al, 2016). Pada tahun 2021, tahap kebahagiaan penduduk Indonesia diukur dari tiga dimensi iaitu kepuasan hidup, perasaan dan makna hidup dan bagi dimensi kepuasan dipecahkan kepada dua elemen iaitu kepuasan hidup sosial dan kepuasan hidup personal. Indeks Kebahagiaan Indonesia juga mempunyai 19 indikator (Indeks Kebahagiaan Hidup Indonesia, 2021). Bagi Indeks Kebahagiaan Indonesia 2021, ianya telah meningkat sebanyak 0,80 iaitu 70,69 pada tahun 2017 dan 71,49 pada tahun 2021 (Indeks Kebahagiaan Hidup Indonesia, 2021).

Indeks Kesejahteraan United Kingdom

Seterusnya bagi United Kingdom (UK) pula, keutamaan kepada kesejahteraan dalam sesuatu polisi bermaksud mengalihkan keutamaan kepada pekerjaan, kesihatan mental dan keseorangan (Deborah Haroon et al, 2020). Langkah-langkah Kesejahteraan Negara (MNW) telah dilancarkan oleh Pejabat Perangkaan Kebangsaan (ONS) pada November 2010 untuk memberikan gambaran holistik kemajuan di UK. Ia bagi memberikan gambaran menyeluruh tentang bagaimana negara tersebut bertindak sebagai individu, komuniti, dan negara. Terdapat 10 domain kesejahteraan kebangsaan telah diwujudkan. Domain-domain tersebut ialah kesejahteraan personal, perhubungan, kesihatan, apa yang dilakukan, di mana tinggal, kewangan personal, pendidikan dan kemahiran, ekonomi, tadbir urus dan persekitaran. 10 domain yang diwujudkan terdiri daripada 44 indikator (*Office for National Statistics, 2023*). Indikator yang ada telah dipilih berdasarkan rangka kerja kesejahteraan negara berikutan perundingan dengan orang awam.

Bagi domain kesejahteraan personal, 4 indikator yang ada adalah kepuasan hidup, kepuasan, kebahagiaan dan perasaan cemas. Bagi domain kedua pula iaitu domain kebahagiaan, terdapat indikator perhubungan tidak bahagia orang untuk bergantung, keseorangan, integrasi masyarakat setempat dan kepercayaan terhadap orang lain. Manakala bagi domain kesihatan, indikator yang terlibat ialah jangka hayat kesihatan, kepuasan terhadap kesihatan, keadaan kesihatan fizikal, kemurungan atau kebimbangan dan kepuasan terhadap sistem kesihatan. Bagi domain apa yang dilakukan pula terdiri daripada indikator kepuasan hati dengan kerja semasa, masa yang diluangkan pada kerja yang tidak dibayar, sukarela, penglibatan dengan seni dan budaya, penglibatan dalam sukan dan alam semula jadi yang dilawati. Seterusnya bagi domain di mana tempat tinggal, antara indikatornya ialah kepuasan hati dengan penginapan, perasaan kepunyaan terhadap kejiranan, pengecualian digital, jenayah dan perasaan selamat.

Domain personal kewangan pula terdiri daripada indikator pendapatan isi rumah sederhana, kekayaan isi rumah sederhana, relatif berpendapatan isi rumah rendah, ketidaksamaan pendapatan isi rumah, jurang gaji jantina dan kesusahan dalam menguruskan kewangan. Bagi pendidikan dan kemahiran pula, indikator ialah *Not in Education, Employment or Training (NEET)*, tiada kelayakan, *A-level* atau setaraf, modal insan dan `kepuasan terhadap sistem pendidikan. Selain itu domain ekonomi pula terdiri daripada kadar pengangguran, inflasi dan hutang bersih sektor awam. Manakala domain urus tadbir terdiri daripada indikator keluar mengundi, kepercayaan dalam kerajaan UK, suara, `kepuasan terhadap polis, dan kepuasan terhadap mahkamah dan sistem keadilan. Bagi domain persekitaran pula, terdiri daripada indikator pelepasan gas rumah hijau, penggunaan tenaga boleh diperbaharui, kitar semula isi rumah, kawasan dilindungi, spesis keutamaan, pencemaran udara, status permukaan air dan gaya hidup pro alam sekitar.

PENUTUP

Penilaian kesejahteraan tidak hanya bergantung kepada fizikal semata-mata sebaliknya ia harus dinilai berdasarkan beberapa aspek yang lebih menyeluruh dan lengkap iaitu ekonomi, sosial dan psikologi. Setiap indeks atau domain yang digunakan bagi menilai kesejahteraan masyarakat juga seharusnya sentiasa dinilai dan dikemaskini mengikut perubahan masa agar penilaian dibuat dengan relevan dan tepat. Kesejahteraan hidup perlu dititikberatkan bagi setiap negara kerana ia diperlukan untuk meningkatkan pencapaian matlamat setiap polisi yang ada. Dengan penilaian kesejahteraan yang baik dan tepat, ia boleh menjadi kayu ukur dalam menilai dan memantau perkembangan dan kemajuan masyarakat yang lebih berkesan. Dalam masa yang sama, penilaian kesejahteraan dapat mengetengahkan isu sosial yang memerlukan perhatian dan tindakan yang sesuai bagi pihak yang terlibat, khususnya autoriti yang dipertanggungjawabkan. Hasilnya diharapkan mampu membentuk keadaan keluarga sejahtera di dalam negara yang berada pada tahap yang selamat, sihat, selesa, harmoni dan mendamaikan.

PENGHARGAAN

Penulis merakamkan ucapan terima kasih kepada Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) yang membiayai dana melalui geran penyelidikan *Fundamental Research Grant Scheme (FRGS)* -

Kod Projek: FRGS/1/2022/SS10/KUIS/03/1 - yang membolehkan penulis untuk menjalankan penyelidikan berkaitan.

RUJUKAN

- Abdul Wahab Md. Ali et al. 2021. Indikator Kesejahteraan Keluarga Dalam Kajian Kontemporari Di Malaysia: Satu Perbandingan. *Al-Qanaitir*. 21(1): 12-26.
- Deborah Hardoon et al, 2020, *Wellbeing evidence at the heart of policy*.
- Herdiyana Maulana et al, 2019, Development and Validation of the Indonesian Well-being Scale, *Asian Journal of Social Psychology*, 22: 268-280.
- Indeks Kebahagiaan Hidup Indonesia 2021 - retrieved <https://www.bps.go.id/publication/2021/12/27/ba1b0f03770569b5ac3ef58e/indeks-kebahagiaan-2021.html> - 8 Ogos 2023.
- Iwan Gardono Sujatmiko et al, 2016, Social Well-being Research and Policy in Indonesia, *The Senshu Social Well-being Review*, 3: 75-93.
- Kenyataan Media Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, 2020. Laporan Indeks Kesejahteraan Keluarga, 2019 - retrieved <https://www.lppkn.gov.my/lppkngateway/common/uploads/article/> - 10 Ogos 2023.
- Laporan Indeks Kesejahteraan Rakyat Malaysia, 2021 - retrieved https://www.dosm.gov.my/uploads/release-content/file_20221206151702.pdf - 5 Ogos 2023.
- Personal Well-being in the UK: April 2021 to March 2022*, Office for National Statistics
- Rendra Achyunda Anugrah Putra, t.t. *Indonesia Sustainable Welfare Index (ISWI) Measuring Sustainable Economic Welfare at Digital Era*.
- Robin Loveridge et al, 2020, Measuring Human Wellbeing: A Protocol For Selecting Local Indicators, *Environmental Science and Policy*, 114: 461-469.
- Rusman R. Manik, t.t. *Sekelumit Tentang IKRaR*.
- Ruggeri, K., Garcia-Garzon, E., Maguire, Á.Matz, S., & Huppert, F. A. (2020). Well-being is more than happiness and life satisfaction: a multidimensional analysis of 21 countries. *Health and quality of life outcomes*, 18(1), 1-16.
- Siti Nadira Ahmad Rozlan Shah. Rosmadi Fauzi & Jamilah Mohamad. 2015. Membina Model Indeks Kesejahteraan Hidup Penduduk Bagi Semenanjung Malaysia. *Geografia Online Malaysian Journal of Society and Space*. 11(4): 87-96.
- Ummi Munirah Syuhada Mohamad Zan et al. 2016. Indeks Kesejahteraan Hidup Dalam Masyarakat Kepelbagaian: Kajian Dalam Kalangan Pelajar IPTA. *Proceeding of the 3rd International Conference on Management & Muamalah 2016*. 31st Oktober-1st November 2016.